

CECAWI HAMBA KERA
Lesser Racquet-tailed Drongo

FAMILI: Dicruridae
NAMA SAINTIFIK: *Dicrurus remifer*

CIRI-CIRI

Burung ini mempunyai warna biru gelap berkilat hingga biru kehijauan pada bahagian atas badan, leher dan dada. Ia mempunyai hujung ekor yang berbentuk petak manakala terdapat unjuran seakan batang panjang yang terdapat di bahagian luar bulu ekor. Selain itu, ia mempunyai jambul pendek pada dahi yang mana bertindih dengan paruhnya. Anggaran saiz bagi burung ini adalah di antara 25.0-27.5 sm.

MAKANAN

Makanan utama terdiri daripada serangga-serangga yang bersaiz besar dan nektar. Adakalanya ia memakan burung-burung, reptilia dan mamalia yang bersaiz kecil.

HABITAT

Spesies ini boleh ditemui di hutan dipterokap, hutan tanah tinggi dan juga hutan sekunder. Ia boleh dijumpai dari ketinggian 500-2,590 m dari aras laut.

BUNYI

Burung ini mengeluarkan bunyi yang kuat dan pelbagai.

PEMBIAKAN

Ia membina sarang berbentuk cawan yang lebar serta dalam dan tergantung pada cabang dahan pokok. Ketinggian sarang adalah dari 3-7 m dari aras tanah. Musim membiak adalah dari bulan Mac hingga Jun setiap tahun. Burung betina menghasilkan 2-4 biji telur pada setiap kali ianya bertelur. Saiz telur adalah 25.5 mm X 18.4 mm dan telur berwarna putih atau merah jambu pudar dan terdapat tompokan tebal coklat gelap dan ungu terutama pada bahagian hujung telur.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.